

PELAWAAN PERMOHONAN JAWATAN KOSONG DI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

Calon-calon yang berkelayakan adalah dipelawa bagi memohon jawatan kosong secara **Kontrak** di Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia seperti yang dinyatakan dibawah. Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 Julai 2016**. Permohonan perlu **dikemukakan secara dalam talian** dengan melengkapkan maklumat yang diperlukan dipautan PERMOHONAN DALAM TALIAN di www.yknm.org . Pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumbalas dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh tutup permohonan di anggap tidak berjaya. Butiran maklumat jawatan adalah seperti berikut:

1-3. Jawatan : Eksekutif Perakaunan/Projek/Dana (Gred 29)

Jadual Gaji : Gred Gaji Gaji Minimum (RM1,493.00) - Gaji Maksimum (RM5,672.00)

Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM145.00)

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. [Gaji Permulaan: RM1,493.00] atau ;

b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. [Gaji Permulaan: RM1,493.00] atau ;

c) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [Gaji Permulaan: RM1,662.00] atau ;

d) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [Gaji Permulaan: RM1,738.00] dan

e) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas :

Bertanggungjawab dalam membantu menguruskan kerja-kerja berkaitan pentadbiran, pengurusan kewangan, perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti, pengurusan rundingan dan mesyuarat serta lain-lain tugas yang perlu dilaksanakan bagi memastikan operasi pejabat dapat berjalan lancar.

4. Jawatan : Pembantu Penyelia Shif (Gred 11)

Jadual Gaji : Gred Gaji Gaji Minimum (RM1,216.00) - Gaji Maksimum (RM2,983.00)

Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM80.00)

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas :

(a) Membantu operasi 3 shif Anjung Singgah dan boleh bertugas pada hari cuti termasuk musim perayaan.

(b) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

(c) membantu melaksanakan tugas-tugas pengoperasian Anjung Singgah yang diarahkan daripada masa ke semasa